

MESYUARAT AGONG TAHUNAN - ANNUAL GENERAL MEETING (AGM) BAKAT INSKEP BAGI TAHUN 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4531-mesyuarat-agong-tahunan-annual-general-meeting-agm-bakat-inskep-bagi-tahun-2019



TANJUNG BUNGAH, 16 Feb 19 - Di Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) Pulau Pinang telah diadakan Mesyuarat Agong Tahunan BAKAT INSKEP bagi tahun 2019. Peratus kehadiran 92% ahli BAKAT INSKEP dalam AGM kali ini amat cemerlang dan membanggakan serta terbukti semangat dan komitmen ahli BAKAT INSKEP dalam mendokong maksud aspirasi sebenar penubuhan BAKAT dalam ATM.



Di dalam mesyuarat ini, Biro Pendidikan BAKAT INSKEP dengan usaha Pegawai BAKAT INSKEP, Lt Amira Syahida binti Amir TUDM telah menganjurkan Ceramah Kesedaran Scammer yang disampaikan oleh Inspektor Razmir dan ASP Mohamad Nazim dari Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, George Town Pulau Pinang.



Majlis Perasmian AGM BAKAT 2019 telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM. Agenda-agenda yang dibentangkan dalam AGM BAKAT INSKEP 2019 adalah Ucapan Alu-aluan Pengerusi BAKAT INSKEP, Puan Noor Hafiza binti Zainol, aktiviti 2018 oleh Ketua-ketua Biro BAKAT INSKEP, pencapaian setiap biro, pembentangan perbelanjaan dan status kewangan BAKAT INSKEP 2018 sebelum biro dan jawatan



utama BAKAT INSKEP 2018 dibubarkan. Semua ketua-ketua biro telah turut diberikan sijil penghargaan di atas khidmat bakti sepanjang tahun 2018.

AGM BAKAT INSKEP 2019 diteruskan dengan perlantikan Ketua-ketua biro BAKAT INSKEP 2019, Pembentangan Cadangan Aktiviti 2019, Pemilihan biro oleh ahli-ahli, dan Sesi Bergambar BAKAT INSKEP 2019.